

10 NOV 1999

Mahathir-BN

MANIFESTO TAMBAHAN UNTUK SABAH DAN SARAWAK

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) akan menerbitkan satu manifesto tambahan bagi Sabah dan Sarawak selain manifesto utamanya bagi menghadapi pilihan raya umum ke-10 tidak lama lagi, kata Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, malam ini.

Beliau berkata manifesto tambahan untuk Sabah dan Sarawak itu adalah bagi membolehkan perkara-perkara tempatan diketengahkan kepada rakyat dan pengundi di kedua-dua negeri itu.

Perdana Menteri berkata manifesto tambahan untuk Sabah dan Sarawak itu tidak akan bercanggah dengan manifesto utama.

"Kita akan ada satu manifesto untuk semua tetapi oleh kerana ada perkara tempatan yang ada kepentingan tempatan, mereka boleh mengadakan manifesto tambahan yang tidak bercanggah dengan manifesto (utama) untuk semua," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN, di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Mesyuarat lebih sejam itu dihadiri oleh pemimpin kesemua parti-parti komponen BN.

BN merangkumi 14 parti komponen terdiri daripada Umno, MCA, MIC, Gerakan dan PPP di Semenanjung; Parti Liberal Demokratik, Akar Bersatu, Pertubuhan Pasokmomoگون Kadazandusun Bersatu, Parti Bersatu Rakyat Sabah dan Parti Maju Sabah di Sabah, dan; Parti Pesaka Bumiputera Bersatu, Parti Rakyat Bersatu Sarawak, Parti Bansa Dayak Sarawak dan Parti Kebangsaan Sarawak di Sarawak.

Dr Mahathir berkata manifesto tambahan itu juga bertujuan untuk menjelaskan isu-isu tempatan kepada pengundi.

Ditanya bila manifesto BN akan dikeluarkan, Dr Mahathir berkata: "Secepat yang mungkin."

Beliau juga berkata BN akan menggunakan satu simbol bagi menghadapi pilihan raya umum itu.

"Kita akan menggunakan sependuk BN, kita akan guna bendera BN dan kita akan menggunakan simbol (dacing) BN. Tidak ada simbol lain (akan digunakan)," katanya.

Dr Mahathir berkata kesemua parti komponen juga memberi pengakuan untuk menyokong calon-calon yang diletakkan sebagai calon BN.

"Kita setuju apabila tentukan siapa yang akan jadi calon...menjadi tanggungjawab semua pihak untuk memberi sokongan dan semua parti memberi pengakuan mereka akan sokong sesiapa juga yang menjadi calon (BN)," katanya.

Dr Mahathir berkata mesyuarat malam ini juga membincangkan cara-cara menyusun kempen BN.

"Pendek kata, kita dapat kata sepakat," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau turut menjelaskan kepada pemimpin parti-parti komponen mengenai sebab-sebab mengapa pilihan raya umum itu diadakan sebelum Ramadan dan juga perkara lain yang menyebabkan pilihan raya diadakan lebih awal.

-- BERNAMA

RV NAK